

**PERANAN DAN PENGLIBATAN ORANG CINA DI SARIKEI, SARAWAK:
DALAM BIDANG SOSIAL DAN POLITIK,
1900-1990**

oleh

WONG MEE LENG

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Sarjana Sastera**

DISEMBER 2010

PENGHARGAAN

Penulis bersyukur kepada Tuhan kerana dengan izinNya telah berjaya menyiapkan tesis ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Dalam proses untuk menyiapkan kajian ini penulis amat berhutang budi kepada banyak pihak. Penulis amat berterima kasih kepada penyelia utama penulis Profesor Madya Dr. Mohd. Isa bin Othman, yang juga merupakan pensyarah Bahagian Sejarah di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia kerana sudi memberi bantuan, tunjuk ajar, teguran, saranan dan bimbingan yang amat berguna. Penulis juga amat berterima kasih kepada penyelia bersama penulis Dr. Ahmad Jelani dan Dr. Ishak bin Sa'at kerana memberi pertolongan yang amat berguna dan juga melayani kerenah penulis dengan penuh sabar.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh kakitangan Bahagian Sejarah di Pusat Pengajian Jarak Jauh dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah memberi cadangan, kritikan dan bantuan yang berguna dan membina.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh kakitangan Arkib Negara Cawangan Sarawak, Pejabat Daerah Sarikei, Pejabat Residen Sarikei, Persatuan Foochow di Sibul, Sarikei, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Awam di Sibul, Kuching dan Sarikei, Pusat Kegiatan Guru di Sarikei, Sibul dan Kuching, Pusat Sumber Negeri Sarawak, Muzium Sarawak, Chinese History Museum, Kuching, Civic Centre Museum, Sibul, Muzium Mini Persatuan Foochow Sibul, Sibul dan The Timber Museum,

Kuching, Persatuan Kwang Wai Siew Sarikei, Pejabat SUPP Sarikei, Semua sekolah rendah aliran Cina Sarikei dan semua sekolah menengah Sarikei yang telah memberi kerjasama yang rapat dan mesra kepada penulis. Penulis juga ingin berterima kasih kepada semua yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung untuk menjayakan tesis ini. Akhirnya, penulis ingin menyatakan penghargaan dan kasih sayang yang sebesar-besarnya kepada suami dan anak-anak tersayang yang membolehkan saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

SUSUNAN KANDUNGAN

| | Muka surat |
|--|------------|
| PENGHARGAAN | ii |
| JADUAL KANDUNGAN | iv |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI PETA | viii |
| SENARAI SINGKATAN | ix |
| SENARAI LAMPIRAN | x |
| ABSTRAK | xi |
| ABSTRACT | xiii |
| | |
| BAB SATU : PENDAHULUAN | |
| | |
| 1.0 Latar belakang kajian | 1 |
| 1.1 Penyataan Masalah | 16 |
| 1.2 Kajian Lepas | 17 |
| 1.3 Metodologi Kajian | 20 |
| 1.4 Organisasi Kajian | 23 |
| 1.5 Kesimpulan | 25 |
| | |
| BAB DUA : PERANAN DAN PENGLIBATAN KAUM CINA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DI BANDAR SARIKEI | |
| | |
| 2.0 Pengenalan | 27 |
| 2.1 Sekolah Aliran Bahasa Cina | 32 |
| 2.2 Sekolah Mubaligh Kristian Methodist | 49 |
| 2.3 Sekolah Menengah Swasta | 71 |
| 2.4 Tadika Swasta Cina | 76 |
| 2.5 Kesan-kesan Pendidikan Cina | 77 |
| 2.6 Kesimpulan | 84 |
| | |
| BAB TIGA : PERANAN DAN PENGLIBATAN KAUM CINA DALAM PERSATUAN CINA DI BANDAR SARIKEI | |
| | |
| 3.0 Pengenalan | 86 |
| 3.1 Persatuan Cina Berbentuk Kebudayaan | 89 |
| 3.1.1 Persatuan Kwang Wai Siew | 89 |
| 3.1.2 Persatuan Foochow Sarikei | 96 |

| | | |
|------|---|-----|
| 3.2 | Persatuan Cina Bercorak Kebajikan | 97 |
| | 3.2.1 Junior Chamber (Jaycees) | 97 |
| 3.3 | Persatuan Keahlian Cina Bercorak Keagamaan | 102 |
| | 3.3.1 The Boy's Brigade 1 st Sarikei Company Pasukan Brigade Putera Malaysia | 102 |
| | 3.3.2 The Girl's Brigade (1965-1990) | 105 |
| 3.4 | Persatuan Cina Bercorak Keagamaan | 109 |
| | 3.4.1 Persatuan Dewi Kwang Ying (1901-1990) | 109 |
| | 3.4.2 Persatuan Buddha Orthodox (1970-1990) | 118 |
| 3.5 | Persatuan Cina Bercorak Kekeluargaan (1970-1990) | 120 |
| 3.6 | Persatuan Cina Bercorak Pendidikan (1940-1990) | 123 |
| 3.7 | Persatuan Cina Bercorak Hiburan (1975-1990) | 127 |
| 3.8 | Persatuan Cina Bercorak Perniagaan (1930-1990) | 130 |
| 3.9 | Persatuan Cina Bercorak Khairat Kematian dan Pertanian (1945-1990) | 131 |
| 3.10 | Kesimpulan | 134 |

BAB EMPAT : PERANAN DAN PENGLIBATAN ORANG CINA DALAM BIDANG POLITIK DI BANDAR SARIKEI

| | | |
|-----|--|-----|
| 4.0 | Pengenalan | 138 |
| 4.1 | Politik Orang Cina Sarikei Zaman Brooke 1900-1940. | 140 |
| 4.2 | Zaman Pemerintahan Jepun (1941-1945) | 144 |
| 4.3 | Penyerahan Sarawak Kepada British (1946) | 149 |
| 4.4 | Gerakan Anti-penyerahan di Sarawak | 150 |
| 4.5 | Zaman Ancaman Komunis (1959-1989) | 154 |
| 4.6 | Politik Selepas Kemerdekaan Malaysia | 163 |
| | 4.6.1 Parti Negara Sarawak (PANAS) | 163 |
| | 4.6.2 Barisan Rakyat Jati Sarawak (Barjasa) | 163 |
| | 4.6.3 Sarawak National Party (SNAP) | 164 |
| | 4.6.4 Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) | 165 |
| | 4.6.5 Sarawak Chinese Association (SCA) | 166 |
| | 4.6.6 Parti Tindakan Demokrasi (DAP) | 168 |
| | 4.6.7 Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) | 175 |
| 4.7 | Kesimpulan | 194 |

| | |
|---|------------|
| BAB KELIMA KESIMPULAN | 197 |
| SENARAI RUJUKAN | |
| Sumber-sumber Pertama | 203 |
| A. Rekod Manuskrip Pejabat Tanah Jajahan (C.O.–Colonial Office Records) | 203 |
| B. Rekod Manuskrip Pejabat Perang (W.O. – War Office Records) | 204 |
| C. Rekod Manuskrip Pejabat Perang (W.C. – War Cabinet Records) | 204 |
| D. Fail-fail dari Sekolah Sarikei | 204 |
| E. Fail-fail dari Gereja dan Persatuan di Sarikei. | 205 |
| F. Fail-fail Jabatan Kerajaan | 207 |
| G. Rekod Sekolah dan Persatuan di Sarikei dan Pamflet-pamflet Penerbitan Rasmi Kerajaan Negeri Sarawak | 207 209 |
| Buku-buku | 210 |
| Artikel-artikel | 221 |
| Majalah-majalah Rasmi Persatuan | 222 |
| Tesis-tesis | 225 |
| Akhbar | 225 |
| Internet/Laman Web | 226 |
| Senarai Respondan | 227 |

LAMPIRAN-LAMPIRAN

| | |
|------------|--|
| Lampiran A | Lokasi Sekolah Jenis Kebangsaan Bandar Sarikei (Sekolah Rendah Cina Sarikei) |
| Lampiran B | Maklumat Pengasas-pegasas Sekolah Hwa Chiew Sarikei |
| Lampiran C | Tarian Singa Persatuan Kwang Wai Siew |
| Lampiran D | Senarai Nama Gerila Komunis Menyerah Diri Pada Tahun 1990 |

SENARAI JADUAL

| | Muka Surat |
|---|------------|
| Jadual 1.1 Daerah dan Daerah Kecil di Sarikei pada Tahun 1973 | 7 |
| Jadual 1.2 Penduduk di Sarikei pada Tahun 1947 | 8 |
| Jadual 1.3 Penduduk di Sarikei pada Tahun 1960 | 9 |
| Jadual 1.4 Penduduk di Sarikei pada Tahun 1970 dan 1980 Mengikut Daerah | 9 |
| Jadual 2.1 Sekolah Rendah serta Bilangan Guru dan Murid di Sarikei pada Tahun 1960 | 31 |
| Jadual 2.2 Jumlah Guru dan Murid Mengikut Komposisi Kaum di Sarikei pada Tahun 1960 | 32 |
| Jadual 2.3 Senarai Sekolah Rendah Aliran Bahasa Cina Sarikei | 39 |
| Jadual 2.4 Sekolah Agama Kristian Bandar Sarikei | 51 |
| Jadual 4.1 Peratus Kaunselor yang dipilih oleh Pengundi Mengikut Parti Politik Pada Tahun 1963 | 181 |
| Jadual 4.2 Peratus Kaunselor yang dipilih oleh Pengundi Mengikut Komposisi Kaum Sarikei pada Tahun 1973 | 182 |
| Jadual 4.3 Keputusan Pilihanraya Parlimen yang disertai oleh Calon -Calon SUPP di Sarikei | 184 |
| Jadual 4.4 Keputusan Pilihanraya Negeri yang disertai oleh Calon-Calon SUPP di Sarikei (Repok) | 185 |
| Jadual 4.5 Tarikh Penubuhan Kumpulan Belia (SUPP) di Sarawak | 187 |
| Jadual 4.6 Tarikh Penubuhan Kumpulan Wanita (SUPP) di Sarawak | 191 |

SENARAI PETA

| | Muka surat |
|---|------------|
| 1.1 Peta Malaysia yang menunjukkan lokasi Sarawak | xv |
| 1.2 Peta Negeri Sarawak Bumi Kenyalang | xvi |
| 1.3 Peta Bandar Sarikei | xvii |

SENARAI SINGKATAN

| | | | Muka surat |
|------|---------|---------------------------------|------------|
| 1.1 | DBKU | Dewan Bandaraya Kuching Utara | 21 |
| 2.1 | ST. | Saint | 50 |
| 2.2 | KM | Kilometer | 51 |
| 2.3 | KBSR | Kurikulum Baru Sekolah Rendah | 70 |
| 2.4 | SMB | Sekolah Menengah Bantuan | 75 |
| 3.1 | JC | Jaycees | 99 |
| 3.2 | RTM | Radio dan Televisyen Malaysia | 105 |
| 3.3 | RASCOM | Rajang Security Commission | 105 |
| 3.4 | NO. | Nombor | 114 |
| 3.5 | Dr. | Doktor | 122 |
| 4.1 | SUPP | Sarawak United Peoples' Party | 140 |
| 4.2 | PBB | Parti Pesaka Bumiputera Bersatu | 142 |
| 4.3 | SNAP | Sarawak National Party | 142 |
| 4.4 | PBDS | Parti Bangsa Dayak Sarawak | 143 |
| 4.5 | DAP | Democratic Action Party | 143 |
| 4.6 | KMT | Kuomintang | 154 |
| 4.7 | CCP | Parti Komunis China | 154 |
| 4.8 | NCP | Parti Komunis Nanyang | 155 |
| 4.9 | SAYA | Parti Belia Maju Sarawak | 155 |
| 4.10 | PANAS | Parti Negara Sarawak | 163 |
| 4.11 | Barjasa | Barisan Rakyat Jati Sarawak | 163 |
| 4.12 | Pesaka | Parti Pesaka Anak Sarawak | 165 |
| 4.13 | SCA | Sarawak Chinese Association | 166 |
| 4.14 | Pn. | Puan | 192 |

SENARAI LAMPIRAN

| | | Muka surat |
|------------|---|------------|
| Lampiran A | Lokasi Sekolah Jenis Kebangsaan Bandar Sarikei (Sekolah Rendah Cina Sarikei) | 39 |
| Lampiran B | Maklumat pengasas-pengasas Sekolah Hwa Chiew Sarikei | 73 |
| Lampiran C | Tarian Singa Persatuan Kwang Wai Siew Sarikei | 94 |
| Lampiran D | Senarai Nama Gerila Komunis Penyerahan 1990 | 161 |

**PERANAN DAN PENGLIBATAN ORANG CINA DI SARIKEI, SARAWAK:
DALAM BIDANG SOSIAL DAN POLITIK,
1900-1990**

ABSTRAK

Kajian ini memberi fokus utama kepada sejarah sosial dan politik kaum Cina di Bandar Sarikei, Sarawak. Kajian ini meneliti aspek peranan dan penglibatan orang Cina dan juga faktor-faktor kejayaan orang-orang Cina di Sarikei khususnya dan Malaysia amnya. Ciri-ciri orang Cina juga dikaji dengan teliti dan terperinci di Sarikei untuk membuktikan hipotesis kajian. Kajian ini menunjukkan bahawa penduduk Cina di Sarikei berjaya mengatasi rintangan dan masalah yang membelenggu mereka sejak meneroka penempatan di Sarikei dalam keadaan yang serba kekurangan. Dengan usaha sendiri mereka tabah menyelesaikan masalah. Ini menunjukkan ciri-ciri orang Cina yang bekerja dengan tekun, berjimat cermat dan tabah menghadapi cabaran. Ciri-ciri tersebut membolehkan orang-orang Cina menyumbang bakti di bandar Sarikei. Peneroka Cina yang berhijrah ke Sarikei untuk mencari kehidupan yang lebih terjamin telah berjaya mencapai matlamat mereka. Banyak persatuan pelbagai bentuk atau corak ditubuhkan di Sarikei membantu kemajuan orang Cina. Penubuhan persatuan-persatuan turut memberi kesan ketara terhadap masyarakat Sarikei. Persatuan-persatuan Cina di Sarikei telah memberi kesan-kesan yang positif terhadap pembangunan sosial dan politik. Kajian ini juga memfokuskan peranan dan penglibatan orang Cina dalam perkembangan dan kemajuan yang dicapai di Bandar Sarikei. Kajian ini juga mendapati masyarakat Cina Sarikei menghadapi kesan dramatik daripada beberapa peristiwa sejarah. Penyeksaan pada zaman pendudukan Jepun memberi kesan dalam bidang

sosial, politik dan ekonomi. Begitu juga semasa pemberontakan komunis (1960-1970-an). Ramai orang Cina Sarikei menyertai gerila komunis. Keadaan pada masa itu begitu sukar kepada kehidupan harian orang Cina. Kajian ini mendapati bahawa orang Cina juga menguasai bidang politik di Sarikei. Mereka telah menubuhkan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP). Kedua-dua parti ini telah bersaing untuk memperoleh sokongan daripada rakyat Sarikei, khususnya daripada orang Cina. Penglibatan orang Cina dalam bidang pendidikan, persatuan dan politik di Sarikei akan berterusan pada masa yang akan datang.

ROLE AND INVOLVEMENT OF THE CHINESE IN SARIKEI, SARAWAK: IN THE SOCIAL AND POLITICAL FIELD, 1900-1990

ABSTRACT

This research focuses on the issue of the history of social and politics of the Chinese in Sarikei. This research pays great attention to the aspect of the control of Chinese and also the factors of the success of the Chinese, especially in Sarikei and generally in Malaysia. The success of Chinese in Sarikei is being studied in detail in order to prove the hypothesis of the research. This research has proved that the people of Sarikei have overcome the obstacles and problems they were facing successfully since they pioneered the settlements in Sarikei where they faced a lot of shortcomings. With their own efforts, they solved their problems with great courage. This shows that the characteristics of the Chinese who can work hard, thrift and courage to face challenges. These honorable characteristic enables the Chinese to contribute dedication to the society in Sarikei. The Chinese who migrated to Sarikei in order to seek better and more secure live succeeded to achieve their objective. Many associations in different types are set up in Sarikei to help the progress of the Chinese. The effects of the associations are obvious towards society. The Chinese associations in Sarikei have given positive effect to the development of social, economic and politics in Sarikei. This research also concentrates the role and involvement of the Chinese in development and progress in Sarikei. This research finds out that the Chinese society in Sarikei faces dramatic effect from a few historic events. Torturing during the Japanese occupation has effected in the field of social, politic and economic to the Chinese in Sarikei. The same effect occurred during the rebellion of the communist (1960-1970s). Many

Chinese in Sarikei joined the communist guerilla. The condition at that time was torturing and difficult in their daily life. The Chinese also monopolizes the political field in Sarikei. They have set up Democratic Action Party (DAP) and Sarawak United Peoples' Party (SUPP). The two political parties have competed in order to gain support from the people in Sarikei, especially from the Chinese. The monopoly of the Chinese in Sarikei in the field of education, associations and politics will continue in the future.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Latar belakang kajian

Kebanyakan orang Cina yang datang ke Sarawak secara berkumpulan. Penghijrahan orang Cina berasal dari tiga wilayah di bahagian tenggara negara China iaitu Kwangtung, Kwangsi dan Fukien. Kawasan ini mempunyai sumber alam yang terhad dan penduduk yang ramai. Penghijrahan mereka ke negara lain berlaku berasaskan satu tujuan utama iaitu untuk bekerja dan menyara penghidupan masing-masing.¹ Penghijrahan orang Cina dari negara asal mereka juga didorong oleh bencana alam yang sering melanda negara itu. Terdapat banyak kejadian kebuluran dan banjir besar berlaku di negara China. Selain daripada bencana alam, penghijrahan orang Cina juga didorong oleh keadaan ekonomi dalam negara China yang berkaitan dengan masalah pertambahan penduduk yang mendadak. Penghijrahan berlaku di negara China juga disebabkan oleh pemberontakan dan kekacauan seperti Pemberontakan Taiping(1857-1864),² Pemberontakan Boxer 1900³ dan Revolusi 1911 yang menyebabkan ribuan nyawa terkorban. Dengan adanya bahan mentah asli di

¹ P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 1960, hlm. 73.

² Pemberontakan Taiping (1857-1864) yang dipimpin oleh Hung Hsiu Chuan (1814-1864). Pemberontakan ini bertujuan menggulingkan kerajaan Manchu dan menubuhkan satu suasana politik dan sosial yang baru di negara China yang melibatkan dua-pertiga daripada kawasan negara China dan mengakibatkan kematian 20 juta orang. Lihat juga Kenneth Scott Lataurette, *Sejarah China Modern*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 68.

³ Pemberontakan Boxer berasal dari Gerakan Boxer, sebuah kongsi gelap Cina, iaitu I-ho Chuan (Society of Harmonious Fists) yang telah wujud semenjak akhir abad ke-18. Ahli-ahli kongsi gelap ini dipanggil oleh orang asing sebagai *Boxer* memandangkan mereka mengamalkan sejenis tinju Cina. Antara tahun 1899 hingga tahun 1900, Gerakan Boxer telah melancarkan beberapa rusuhan yang bertujuan menghalau keluar orang asing dari negara China dan membunuh orang Cina yang beragama Kristian. Pembunuhan Menteri Jerman (Von Ketteler) dan Kanselor kedutaan Jepun (Sugiyama) oleh ahli-ahli Boxer telah mendesak tentera bersekutu yang terdiri daripada askar-askar British, Jepun, Amerika Syarikat, Perancis dan Rusia bercampur tangan dan akhirnya gerakan Boxer ditumpaskan. Protogol Boxer yang merugikan negara China telah ditandatangani dengan sebelas buah negara asing pada 7hb September, 1901. Lihat juga Kenneth Scott Lataurette, *Sejarah China Modern*, *op. cit.*, hlm. 70.

Malaya, terutamanya dalam perusahaan bijih timah menjadi faktor penting daya tarikan kemasukan rakyat negara China ke Malaya secara beramai-ramai.

Di Sarawak, pertempatan Cina⁴ yang paling awal berlaku kira-kira 3000 tahun dahulu . Menurut Chin Ung-Ho dalam bukunya yang berjudul *Chinese Politics in Sarawak: A Study of The Sarawak United People's Party* ,

*“It is impossible to determine exactly when the Chinese first came into contact with Borneo. Beads of Chinese origin, dating back 3,000 years have been discovered in Borneo, and coins of the Tsin and Han dynasty (around 200 BC to AD 200) had been unearthed at the mouth of the Sarawak River.”*⁵

*“Long-standing Chinese trading and settlement patterns have existed in this territory known as Sarawak from at least the seventh century. However the contemporary presence of the Chinese can be dated back to the nineteenth century with the beginning of the Brooke rule in 1841.”*⁶

Petempatan-petempatan kaum Cina ke Sarikei disebabkan oleh orang Cina yang berhijrah ke Sarawak dan Sibu secara teratur. Kedatangan kaum Cina ke Sibu dipimpin oleh pemimpin-pemimpin kaum Cina selepas mendapat persetujuan dan galakan daripada Rajah Sarawak. Menurut Craig A. Lockard dalam bukunya yang berjudul '*Chinese Immigration and Society in Sarawak* ',

“The Chinese had come to Borneo for centuries and had played an important though stormy role in the time of James Brooke. The second Rajah held a high opinion of Chinese qualities, as did many of his colleagues and officers in Sarawak. The Chinese seemed to the Government to be preferable to other possible

⁴ *Malaysia Kita: Panduan & Rujukan untuk Peperiksaan Am Kerajaan*, Petaling Jaya: International Law Book Services, 2000, hlm. 177-178.

⁵ Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak: A Study of The Sarawak United People's Party*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996, hlm. 23.

⁶ *Ibid*, hlm. 371.

immigrant groups, and had already proved their worth in the state as energetic and dependable workers and planters.”⁷

Di Semenanjung Malaysia khususnya, orang-orang Cina memasuki Tanah Melayu menerusi agen-agen untuk pengambilan buruh dari China.⁸ Di Sabah pula, orang-orang Cina dibawa masuk oleh kerajaan British untuk mengatasi kekurangan tenaga buruh.⁹ Menurut Lee Kam Hing dan Tan Chee Beng dalam buku yang berjudul *The Chinese in Malaysia*,

“Chinese immigration to Malaysia in the nineteenth century resulted largely from pushing factors such as the agrarian problems of over population, natural calamities and landlord exploitation.”¹⁰

Cara-cara kedatangan orang China yang berhubung dan berpindah ke negeri Sabah adalah berlainan dengan negeri Sarawak. Menurut Lee Kam Hing dan Tan Chee Beng dalam buku yang berjudul *The Chinese in Malaysia*,

“Links between the territory that makes up present day Sabah (Boeneo) and the Chinese can be traced dated backed to as early as the Han Dynasty in China. Between 1881 and 1941, Chinese brought into the state (Sabah) by the Chartered Company which successfully carried out at least three major immigrant ions.”¹¹

⁷ Craig A. Lockard, *Chinese Immigration and Society in Sarawak*, Sibul: Sarawak Chinese Cultural Association, 2003, hlm. 17.

⁸ Victor Purcell, *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1997, hlm. 209; lihat juga Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd., 2001.

⁹ Danny Wong Tze-Ken, *The Transformation of an Immigrant Society: A Study of The Chinese of Sabah*, London: Asean Academic Press, 1998, hlm. 13-52.

¹⁰ Lee Kam Hing & Tan Chee Beng, *The Chinese in Malaysia*, Shah Alam: Oxford University Press, 2000, hlm. 1.

¹¹ Ibid, hlm. 384.

Dari tahun 1902 hingga 1917, kira-kira 1000 orang penghijrah orang Cina etnik Kantonis berpindah dari Sibu ke bandar Sarikei. Orang Cina (etnik Kantonis) dari Sibu yang dipimpin oleh Encik Then Kung Suk merupakan perintis penempatan pertanian orang Cina etnik Kantonis di Lembangan Rajang di Sibu. Seseengah orang Cina (etnik Kantonis) berhijrah ke bandar Sarikei untuk memulakan kegiatan penanaman lada.

Sekitar tahun 1854, sekumpulan orang Cina etnik Hokkien yang berasal dari China menetap di daerah Rajang, yang berada di tepi Sungai Rajang di bandar Sarikei. Orang Cina etnik Hokkien membina rumah dengan menggunakan daun atap yang ada di tebing Sungai Rajang. Orang Cina etnik Hokkien juga menanam sayur-sayuran dan memelihara ayam. Buat kali pertama, empat buah kedai rumah kayu yang berbumbung daun atap telah dibina oleh orang Cina etnik Hokkien di sepanjang Batang Rajang. Ini bertujuan untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.¹² Kepentingan Sungai Rajang begitu terserlah kepada pendatang kaum Cina untuk mencari rezeki seperti yang tercatat dalam buku yang berjudul '*My Life in Sarawak*' oleh Margaret Brooke:

*"The Rajang River deserves a few words of explanation. It is a magnificent road to commerce in the interior; and once the head-hunting popensities of the tribes in its neighbourhood are abolished, it promises to be a great centre of activity and trade."*¹³

¹² Rujuk Sir Orfeur Cavenagh, *Report Upon The Settlements of Sarawak, 1863*, Mikrofilem No. 1717, Universiti Sains Malaysia.

¹³ Margaret Brooke, *The Ranees of Sarawak, My Life in Sarawak*, Singapore: Oxford University Press, 1986 hlm. 53.

Kira-kira 1000 orang penghijrah orang Cina etnik Kantonis pula berpindah dari Sibul ke bandar Sarikei dari tahun 1902 hingga 1917.¹⁴ Penghijrahan ini berlaku disebabkan kepimpinan Encik Then Kung Suk yang datang dari negara China pada awal abad ke-19. Beliau merupakan perintis penempatan pertanian orang Cina(etnik Kantonis) di Lembangan Rajang di Sibul. Begitu juga dengan Encik Wong Ching Poh merupakan pengasas penempatan Foochow di bandar Sarikei.¹⁵ Apabila orang Cina etnik Foochow yang diketuai oleh Encik Wong Ching Poh berpindah dari Sibul ke Sarikei pada tahun 1910, imigran Orang Cina mendapat kebenaran daripada ketua Kampung Melayu, Haji Omar untuk memulakan penanaman lada di bahagian timur tebing Sungai Nyelong.¹⁶ Ini menunjukkan bahawa sebuah penempatan Cina diwujudkan di Sungai Sarikei pada tahun 1914. Menurut Craig Alan Lockard dalam tesis yang berjudul '*Chinese Immigration into Sarawak 1868-1917*':

*"The spread of the Foochow gave a great boost to the development of the Lower Rejang, which had lagged behind that of the Upper Rejang. Both Sarikei and Binatang were settled by Chinese in the last century, but neither matched in importance the small bazaar at Rejang, located where the Rejang flows into the sea."*¹⁷

Kedatangan Imigran orang Cina etnik Foochow bertujuan untuk membuka penempatan baru dengan melakukan kerja-kerja pertanian seperti membersihkan hutan, membina rumah atap, menanam sayur-sayuran dan

¹⁴ Rujuk Fail Residen Sibul, 1902-1917.

¹⁵ Maklumat dari Muzium Mini Persatuan Foochow Sibul, Sibul, Sarawak, yang merupakan sebuah muzium khas untuk menyimpan maklumat-maklumat orang Foochow di Sarawak.

¹⁶ Rujuk Fail Pejabat Daerah Sarikei, 1910-1912.

¹⁷ Craig Alan Lockard, *Chinese Immigration into Sarawak 1868-1917*, a thesis submitted to the graduate division of the University of Hawaii, in partial fulfillment of the requirements for the degree of Master of Arts in Asian Studies, June 1967.

pokok buah-buahan di kawasan Sarikei. Pada tahun 1914, Kerajaan Rajah Brooke membenarkan para peneroka Cina berpindah ke kawasan Repok di Sarikei. Peneroka Cina di kawasan Sarikei kemudiannya memulakan penanaman lada dan getah. Menurut *Sarawak Government Gazette*,

*“By 1914 there were a small and growing colony of Foochow cultivation rubber and pepper, and later Sarikei became a predominantly Foochow town beyond the Rajang Basin in Sarawak.”*¹⁸

Menurut James C. Jackson dalam bukunya yang berjudul ‘*Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam Tentang Sebuah Negeri yang Sedang Membangun*’,

“Penempatan Foochow telah mula didirikan berhampiran dengan Sarikei kira-kira pada tahun 1910 dan orang-orang pindah masuk yang semakin ramai bilangannya telah masuk ke kawasan ini dalam tahun dua puluhan dan tiga puluhan kurun ini. Mereka ini kebanyakannya adalah petani-petani, mengusahakan getah dan lada hitam di keliling bandar-bandar ini setelah kebenaran rasmi diberikan untuk menubuhkan kampung-kampung baru.”¹⁹

Dari segi pentadbiran pula, Sarikei menjadi pusat pentadbiran bagi daerah di bahagian Hilir Lembangan Rajang sejak Julai 1929.²⁰ Sebelum 1 April 1973, bahagian Sarikei merupakan sebahagian daripada bahagian Ketiga yang

¹⁸ Sarawak Government Gazette, 1 April, 1914 ; Chiang Liu, *Chinese Pioneers, A.D. 1900: The New Foochow Settlements in Sarawak*, Sarawak Museum Journal, VI 6 & 21, December 1955, hlm.544-556; Ling Hew-Kiong, *The Growth of Sarikei, Hua Chiew Warrior*, Sarikei: Hua Chiew High School, Sarikei, 1966, hlm. 5-6.

¹⁹ James C. Jackson, *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam Tentang Sebuah Negeri yang sedang Membangun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976, hlm. 56.

²⁰ Rujuk Fail Pejabat Residen Sibul, Tahun 1929.

berpusat di Sibul.²¹ Tujuannya untuk memudahkan pengurusan pentadbiran dengan lebih berkesan dan melaksanakan pembangunan di kawasan Sarikei. Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju menjadikan bandar Sarikei sebagai sebuah bahagian pada tahun 1982. Sejak itu, bandar Sarikei mempunyai lima daerah dan tiga daerah kecil seperti dicatat dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Daerah dan Daerah Kecil di Sarikei Pada Tahun 1973

| Daerah | Daerah Kecil |
|------------------------|---------------------|
| Sarikei | Belawai |
| Meradong (Bintangor) | |
| Daro | |
| Julau | Pakan |
| Matu | Igan |

Sumber: *Chang Pat Foh, Legends & History of Sarawak*, Kuching: Lee Ming Press Co., 1999, hlm. 175.

Berdasarkan jadual 1.1, jelasnya daerah Sarikei wujud disebabkan kedatangan kaum Cina. Jadi, jumlah penduduk daerah di Sarikei juga bertambah disebabkan penduduk kaum Cina bertambah secara migrasi.

Penduduk di Sarikei pada tahun 1947, menurut banci penduduk oleh pihak berkuasa seperti tercatat dalam jadual 1.2.

²¹ Rujuk Fail Pejabat Residen Sibul, 1973.

Jadual 1.2: Penduduk di Sarikei Pada Tahun 1947

| Kaum | Lelaki | Perempuan | Jumlah Penduduk | Peratus |
|---------------------|---------------|------------------|------------------------|----------------|
| Iban | 8502 | 8747 | 17249 | 32.9 |
| Cina | 10608 | 8115 | 18723 | 35.8 |
| Melanau | 5999 | 6390 | 12389 | 23.7 |
| Melayu | 1965 | 1953 | 3918 | 7.48 |
| Bumiputra lain | 2 | 4 | 6 | 0.01 |
| Bangsa Asia Lain | 75 | 56 | 131 | 0.26 |
| Eropah | 10 | 2 | 12 | 0.02 |
| Dayak | 3 | 1 | 4 | 0.01 |
| Jumlah | 27164 | 25268 | 52432 | 100 |

Sumber: *Majalah Anniversary Ke-50 Penubuhan Penempatan Masyarakat Foochow di Sibul, 1901- 1951, Sibul, Persatuan Foochow Sibul, 1960, hlm. 78.*

Dalam jadual 1.2 yang tercatat jumlah penduduk di Sarikei pada tahun 1947, kaum Cina merupakan jumlah yang tertinggi jika dibandingkan dengan kaum lain. Ini bermaksud kaum Cina berhijrah ke Sarikei pada awal tahun 1900-an. Hasil daripada penghijrahan kaum Cina dari negara China iaitu sebanyak 35.8%. Maka sekolah dan persatuan ditubuhkan demi masa depan anak-anak peneroka dan kepentingan penghijrah kaum Cina dari segi pendidikan dan perpaduan di bandar Sarikei.

Menurut banci penduduk oleh pihak berkuasa, penduduk di Sarikei pada tahun 1960 adalah seperti tercatat dalam jadual 1.3.

Jadual 1.3: Penduduk di Sarikei Pada Tahun 1960

| Kaum | Lelaki | Perempuan | Jumlah Penduduk | Peratus% |
|----------------|---------------|------------------|------------------------|-----------------|
| Cina | 7795 | 6985 | 14780 | 52.5 |
| Melayu | 921 | 902 | 1823 | 6.47 |
| Melanau | 2129 | 2307 | 4436 | 15.76 |
| Dayak Laut | 3436 | 3414 | 6850 | 24.33 |
| Dayak Darat | 24 | 15 | 39 | 0.14 |
| Bumiputra lain | 115 | 9 | 124 | 0.44 |
| Eropah | 18 | 7 | 25 | 0.09 |
| Kaum lain | 45 | 32 | 77 | 0.27 |
| Jumlah | 14483 | 13671 | 28154 | 100 |

Sumber: *Majalah Anniversary Ke-60 Penubuhan Penempatan Masyarakat Foochow di Sibul, 1901-1961, Sibul, Persatuan Foochow Sibul, 1960, hlm. 82.*

Melalui jadual 1.3 menunjukkan jumlah dan peratus penduduk Sarikei yang tertinggi adalah kaum Cina iaitu sebanyak 52.5% daripada keseluruhannya. Daripada jumlah penduduk di bandar Sarikei pada tahun 1960, didapati kaum merupakan golongan dominan di Sarikei.

Peningkatan jumlah penduduk Sarikei dapat dilihat dari tahun 1970 dan tahun 1980 seperti tercatat dalam jadual 1.4.

Jadual 1.4: Penduduk di Sarikei Pada Tahun 1970 dan 1980 Mengikut Daerah

| Daerah | Jumlah Penduduk(Tahun) | |
|-----------------------|-------------------------------|---------------|
| | 1970 | 1980 |
| Sarikei | 34000 | 44000 |
| Meradong (Binatang) | 25000 | 29000 |
| Matu/Daro | 14000 | 18000 |
| Julau | 22000 | 28000 |
| Jumlah | 95000 | 119000 |

Sumber: Dr. Harun Derauh, *Information Malaysia 1992-93 Yearbook*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1993, hlm. 721.

Dalam jadual di atas, penduduk yang tinggal di Bandar Sarikei merupakan jumlah yang tertinggi iaitu seramai 34000 orang pada tahun 1970 dan seramai 44000 orang pada tahun 1980. Angka tersebut mendahului angka penduduk di daerah lain yang ada di bahagian Sarikei.

Bandar Sarikei terletak dalam bahagian Keenam negeri Sarawak. Sarikei²² juga dikenali sebagai bandar nanas yang mempunyai keluasan 6969 kilometer persegi. Dalam bahagian, Sarikei mempunyai dua buah pekan iaitu pekan Sarikei dan pekan Bintangor (Binatang) dan empat belas buah bazar iaitu Bazar Belawai, Bazar Rejang, Bazar Jakar, Bazar Pakan, Bazar Julau, Bazar Daro, Bazar Matu, Bazar Kuala Matu, Bazar Selalang, Bazar Igan, Bazar Nanga Wak, Bazar Meluan, Bazar Gunung Ayer dan Bazar Paloh.²³

Sarikei terkenal sebagai Bandar Nanas²⁴ kerana mengeluarkan banyak “Nanas Sarikei” yang bertekstur unik, lazat dan berair manis. Sarikei juga

²²Lihat juga Wong Yew Ming, *Commercial and Industrial Directoy of Sarawak, Brunei and Sabah*, Sib: Penerbit Meng Hu Sdn. Bhd., 1965, hlm. 545-547; Darrel N. C. Tsen & John T. H. Then, *Sarawak Indah*, Kuching: Lee Ming Press Co., 1993, hlm. 105; *Economics Activities of Sarawak*, Kuching: Pan Asia Advertising & Communications Sdn. Bhd., 1993, hlm. 350-353; *Sibu & The Rajang*, Kuching: Sarawak Tourism Board, 2003, hlm. 8-9; *Majalah Peringatan Perasmian Taman Chiang Chuans & Ulang Tahun Ke-150 Orang Chiang Chuans Mendarat di Pertengahan Zon Sarawak*, Sib: Persatuan Chiang Chuans Sib, 2005, hlm. 53; Rujuk en.wikipedia.org/wiki/Sarikei.

²³ Rujuk Fail Pejabat Residen Sarikei, 1975.

²⁴ http://agrolink.mao.my/dao/bdc/agroclimatic/fruit_swk.html.

dikenali sebagai Bandar Lada kerana penghasilan lada hitam²⁵ yang banyak dan bermutu tinggi.²⁶

“The economy of the town is primarily agricultural, and Sarikei is famed for its pineapples and its peppers. They grow well and the farmers earn their living by planting pineapples and peppers.”²⁷

Dari segi kedudukan geografi Bandar Sarikei yang unik, menyenangkan perhubungannya dengan tempat-tempat lain di Sarawak.

“The center of Sarikei has many old shop houses from the 1930s. It is also a major transportation hub for traffic on both the Pan Borneo Highway and the Rejang River. Anybody traveling by road or express boat from Kuching to sibu must pass through Sarikei.”²⁸

²⁵ Maklumat lanjut tentang lada hitam, rujuk <http://en.wikipedia.org/wiki/Pepper>; lihat juga C.F.J. Bong & M.S. Saad, *Pepper in Malaysia*, Kuching: Universiti Pertanian Malaysia, 1986; M.Y. Ibrahim & C. F. J. Bong, *The Pepper Industry—Problems and Prospects*, Bintulu: Universiti Pertanian Malaysia, 1993.

²⁶ <http://en.wikipedia.org/wiki/Sarikei>; rujuk Blocklock J.S., ‘A Short Study of Pepper Cultivation with Special Reference to Sarawak’, *Tropical Agriculture*, Jilid XXXI, Bilangan 1, 1954, hlm. 40-56.

²⁷ Ibid.

²⁸ <http://en.wikipedia.org/wiki/Sarikei>.

Pelbagai lapisan kaum menetap di bandar Sarikei. Sarikei merupakan sebuah bandar yang tempat dihuni oleh penduduk kaum Iban sebanyak 10,000 orang.²⁹ Namun, penempatan kaum Cina yang datang jauh dari negara China ke Bandar Sarikei masih berterusan.

Keadaan sedemikian menyebabkan wujudnya masyarakat majmuk di Bandar Sarikei. Pendatang Cina tidak fasih berbahasa peribumi tetapi peneroka Cina tetap dapat mencari rezeki.

²⁹ Asal-usul nama 'Iban' masih belum dipastikan. Salah satu maksud 'Iban' ialah 'pengembara' Pada mulanya Ibans dipanggil 'Dayak Laut', satu nama yang mencerminkan penglibatan awal beberapa kumpulan Iban (kebanyakan Iban tinggal jauh dari laut di rumah panjang) menjalankan kegiatan lanun di kawasan pantai bergabung dengan orang-orang Melayu pada abad ke-19. Lihat juga J.D. Freeman, "The Iban of Sarawak," *United Empire* 44, May-June 1953 : 108; *Encyclopedia of World Culture*, vol.4, 1993 ed., S.v. "Iban" by H. Sutlive Jr.; *Sarawak Gazette*, 30 September 1977; Bagaimanapun, dakwaan bahawa orang-orang Iban ialah lanun dicabar oleh Empiang Jabu. Beliau percaya bahawa Rajah Brooke Sarawak melabelkan orang Iban sebagai lanun untuk mewajarkan aktiviti-aktiviti Rajah Sarawak dan meminta sokongan dan perlindungan daripada Britain. Lihat juga Empiang Jabu, "Historical Perspective of the Iban", *SMJ* XL, Dec. 1989: 24-26. Maklumat lanjut tentang kaum Iban, rujuk Gregory Leong, *Festivals of Malaysia*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications, 1992, hlm. 78-85; *The Methodist Episcopal Church in Borneo (1901-1910)*, Sibü: Board of Christian Literature, Sarawak Chinese Annual Conference, The Methodist Church In Malaysia, 2001, hlm. 122-133; Hedda Morison, *Life in A Jungle*, Hong Kong: Yee Tin Tong Printing Press, Ltd., 1962, hlm. 7-205; Chua Chong Siang, *Iban History and Customs*, Miri: Sarawak Chinese Cultural Association, 1992, hlm. 17-152; Derek Freeman, *The Ibans of Borneo*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., 1992, hlm. 1-129; William O. Krohn, in *Borneo Among The Dayak Headhunters*, Shah Alam: Oxford University Press, 1991, hlm. 136-154, 258-270 & 221-236; Amran Abdullah, *Mengenal Sarawak: Rumah Panjang*, Petaling Jaya: Penerbitan Prisma Sdn. Bhd., 1993, hlm. 1-22, Amran Abdullah & Hamidah Husain, *Mengenal Sarawak: Adat Resam*, Petaling Jaya, Penerbitan Prisma Sdn. Bhd., 1993, hlm. 22-26, 70-73 & 88-90; Risalah Dewan Suarah Sibü, Cultural Heritage Exhibition Hall, Sibü, Sarawak; B. Sandin, *The Sea Dayaks of Borneo*, London: Macmillan, 1967; T. Babcock, 'Indigenous Ethnicity in Sarawak', *Sarawak Museum Journal*, XXII, 43, 1974, hlm. 191-202; Chistine Padoch, *Migration and Its Activities among The Ibans of Sarawak*, Leiden : The Hague-Martinus Nijhoff, 1982; Hedda Morrison, *Sarawak*, Kuala Lumpur: Federal Publication, 1976, hlm. 198-244; Mrs McDougll, *Letters From Sarawak*, London: Wheldon & Wesley, Ltd., 1924, hlm. 39-82; Fong Pheng Kuan & Zainal Ariffin, *Sarawak Book of Amazing Facts and Records: Millennium Edition*, Sibü: Sanyan Group of Companies, 2000, hlm. 98-100; Datuk Michael Buma, *Iban Customs and Traditions*, Kuching: Borneo Publications Sdn. Bhd., 1987.

Peneroka Cina berusaha gigih dengan sedaya upaya untuk mencari nafkah dan tinggal tetap di situ.³⁰ Sebilangan orang Melanau juga tinggal di Bandar Sarikei.³¹

Bilangan orang Cina yang datang dan menetap di Sarawak selepas pertengahan kurun ke-19 adalah disebabkan oleh dua faktor penting, iaitu faktor politik dan ekonomi. Menurut Fong Hon Kah dalam bukunya yang berjudul '*Sejarah Perkembangan Lembangan Rajang di Sarawak*',

³⁰ Maklumat lanjut tentang kaum China, sila rujuk Gregory Leong, *Festivals of Malaysia, op. cit.*, hlm. 14-31, 50-65 & 150-155; Maklumat tentang kepercayaan kaum Cina, rujuk Jonathan Chamberlain, *Chinese Gods*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd., 1987; Henry Dore, S.J., *Chinese Customs*, Singapore: Gaham Bash Publishers, 1987, hlm. 1-20, 50-51 & 60-65; Ang Wan Seng, *Chinese Customs & Taboos*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1995; Datin Noor Aini Syed Amir, *Malaysian Customs & Etiquette: A Praktikal Handbook*, Kuala Lumpur: Times International, 1991, hlm. 24-25 & 56-63; Chang Pat Foh, *Chinese Festivals, Customs & Practices in Sarawak*, Kuching: Lee Ming Printing Co., 1993, hlm. 20-84 & 90-155; C.S. Wong, *An Illustrated Cycle of Chinese Festivals in Malaysia & Singapore*, Singapore: Jack Chia- MPH Ltd., 1987; *The Hennessy Book of Chinese Festivals*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1984; Denyse Tessensohn & Odern Anners, *The Complete Guide to Customs, Etiquette and Manners*, Kuala Lumpur: Times Book International, 1992, hlm. 108-118; Carol Stepanchuk and Charles Wong, *Mooncakes and Hungry Ghosts: Festivals of China*, Kuala Lumpur: C.S. Andae Majeed & Co., 1993; Patricia Bjaaland Welch, *Chinese New Year*, Hong Kong: Oxford University Press, 1997; Ann Wan Seng, *Adat dan Pantang Larang Orang Cina*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1994, hlm. 1-122; Ling Leong Sik, *The Malaysian Chinese Towards Vision 2020*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1995, hlm. 1-8; Risalah Dewan Suarah Sibul, Cultural Heritage Exhibition Hall, Sibul, Sarawak; Lucas Chin, *The Cultural Heritage of Sarawak*, Kuching: Sarawak Museum, 1981; W. J. Chater, *Sarawak Long Ago*, Kuching: Borneo Literature Bureau, 1969, hlm. 166-170; Paul Yong, *A Dream of Freedom*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1991, hlm. 17-28; Hedda Morrison, *Sarawak, op.cit.*, hlm. 161-187; Mrs McDougll, *Letters From Sarawak, op.cit.*, hlm. 83-91; M. G. Dickson, *Sarawak & Its People*, Kuching: Borneo Literature Bureau, 1996, hlm. 107-113; Marie-Luise Latsch, *Tradisional Chinese Festivals*, Singapore: Graham Brash, 1985, hlm. 37-45; Wang Gangwu, *Community and Nation*, Singapore: Kin Keong Printing Co. Pte. Ltd., 1992, hlm. 169-286; Wang Gangwu, *Community and Nations—essays on Southeast Asia and The Chinese*, Kuala Lumpur: Heineman Educational Books (Asia) LTD., 1981, hlm. 173-248.

³¹ Maklumat lanjut tentang orang-orang Melanau di Sarawak, rujuk Jeniri Amir, "The Melanau Community," trans. Cecilia Chin, *Customs and Traditions of the Peoples of Sarawak*, Kuching: State Government of Sarawak, 1988, hlm. 172-175; Stephen Morris, *The Oya Melanau*, Kuching: Lee Ming Press Company, 1991, hlm. 1-17; Amran Abdullah & Hamidah Husain, *Mengenai Sarawak: Adat Resam, op.cit.*, hlm. 5, 13 -17, 27-28, 40-44, 54-69, 74-75, 91-94 & 117-136; Hedda Morrison, *Sarawak op. cit.*, hlm. 120-129; John Beville Archer & Vernon L. Porritt, *Glimpses of Sarawak Between 1912 & 1946: Autobiographical Extracts & Articles of An Officer of The Rajahs*, London: Southeast Asian Studies, University Of Hall, 1977, hlm. 6-7; Cheu Hock Tong, *Studies on The Chinese Religion in Malaysia, Singapore & Indonesia: Chinese Beliefs and Practices in Southeast Asia*, Petaling Jaya, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 1993, hlm. 60-186; Chong Chin Seng, *Traditional Melanau Woodcarving (Bilu) in Dalat, Sarawak*, Kuching: Persatuan Kesusasteraan Sarawak, 1987, hlm. 1-15; Fong Pheng Kuan & Zainal Ariffin, *Sarawak Book of Amazing Facts and Records: op. cit.*, hlm. 96.

“Pertama, Sarawak di bawah pemerintahan Rajah Putih mula stabil dan aman dari segi politik yang menarik pelbagai bangsa dari wilayah-wilayah berjiran datang ke negeri ini. Kedua, Rajah Putih menggalakkan dan merancang kedatangan peneroka Cina untuk membuka tanah bagi kegunaan pertanian dan memulakan pelbagai jenis perniagaan sebagai usaha membangunkan ekonomi Sarawak.”³²

Orang Cina di Sarikei mempunyai sistem pendidikannya tersendiri semasa kedatangan orang British ke Sarikei. Selepas kedatangan British ke Sarawak, sistem pendidikan yang diperkenalkan lebih mencerminkan unsur-unsur perkauman. Sistem begitu menyebabkan kurang pergaulan antara orang Cina, Melayu dan Iban di Sarikei. Setiap kaum menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan di sekolah beraliran bahasa ibunda masing-masing.³³

Kaum Cina di Sarikei mendirikan sekolah rendah dan menengah Cina dan memperoleh buku dan sukatan pelajaran dari negeri Cina. Ini disebabkan penubuhan sekolah vernakular yang didiri dan dikendali oleh orang perseorangan dan persatuan-persatuan sukarela tanpa bantuan kerajaan. Memang menjadi kebiasaan masyarakat Cina tidak kira di mana mereka berada, mereka tetap akan mendirikan sekolah rendah dan menengah Cina. Ini dilakukan bagi memastikan warisan kebudayaan dan bahasa Cina terus dikekalkan.³⁴ Bilangan sekolah rendah dan menengah Cina yang mencukupi telah didirikan di Sarikei untuk menampung permintaan kaum Cina dalam bidang pendidikan.

³² Fong Hon Kah, *Sejarah Perkembangan Lembaga Rajang di Sarawak*, Sib: The Cultural Heritage Committee, Dewan Suarah Sib, Sarawak, 1996. hlm. 127.

³³ Lau Zhi Cheng, *Wong Nai Siong and New Foochow*, Singapore: South Seas Society Press, 1979, hlm. 63.

³⁴ *History of The Chinese in Sib*, Sarawak Cultural Association Sib, Sib, 1992, hlm. 130.

Orang Cina di Sarikei juga menubuhkan persatuan. Persatuan ditubuhkan dengan tujuan mencapai sesuatu matlamat melalui perjuangan yang dipersetujui bersama. Persatuan terbatas kepada mereka yang mempunyai sesuatu persamaan, sama ada dari segi matlamat, minat, kecenderungan, asal-usul tempat tinggal, keturunan atau hubungan kekeluargaan. Walau apa pun penubuhan sebuah persatuan, tetapi bentuk kerjasama secara kelompok sebegini masih dianggap penting. Ini kerana kerjasama sedemikian bukan sahaja menjadikan sesuatu perjuangan itu lebih berkesan dan dapat diselenggarakan dengan beratur, tetapi juga berupaya mewujudkan sikap saling bantu-membantu antara satu sama lain.³⁵ Di Sarikei, pada umumnya, kemunculan persatuan pada abad ke-20 bercorak kebudayaan, kebajikan, keagamaan, kekeluargaan, pendidikan, hiburan, perniagaan dan kairat kematian dan pertanian.

Kaum Cina di Sarikei juga melibatkan diri dalam bidang politik dengan menyertai parti politik. Parti politik berperanan menyebarkan dengan meluas serta membangkitkan kesedaran kebangsaan terhadap negeri China dalam kalangan penduduk di Sarikei. Selepas Perang Dunia Kedua, kehidupan kaum Cina di Sarikei lebih tertekan. Tekanan yang begitu hebat mendorong orang Cina di Sarikei berusaha menubuhkan parti-parti politik untuk melindungi kepentingan mereka. Parti-parti yang disertai oleh kaum Cina di Sarikei ialah Parti Nasional Sarawak, Pertubuhan Cina Sarawak, Parti Bersatu Rakyat Sarawak dan Parti Tindakan Rakyat.

³⁵ *Keluaran Khas Gabungan Persatuan-persatuan Pemuda dan Wanita Foochow-Malaysia*, Sibu: Persatuan Foochow Sibu, 1982, hlm. 76.

1.1 **Penyataan Masalah**

Penglibatan dan peranan kaum Cina di bandar Sarikei telah membawa banyak perubahan dari segi sistem dan norma kehidupan penduduk tempatan, baik dalam aspek sosial mahupun dalam aspek politik.

Berkaitan dengan isu peranan dan penglibatan kaum Cina, ia dibincangkan dari pelbagai sudut dan perspektif, baik dari perspektif penulis tempatan mahupun dari perspektif penulis Barat atau pihak penjajah, untuk memberi gambaran yang lebih lengkap dan jelas. Sejarah asal-usul imigran Cina di Kepulauan Melayu dan khususnya di Sarikei, Sarawak, juga turut dikupas. Walaupun Sejarah Sarawak merupakan sejarah tempatan yang popular dalam kalangan pengkaji dalam dan luar negara, namun kajian sejarah bandar Sarikei masih berkurangan. Penulisan ini dilakukan kerana kekurangan kajian khusus mengenai penglibatan dan peranan kaum Cina secara aktif di bandar Sarikei. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan harapan akan menambah penulisan yang menyentuh peranan dan penglibatan orang Cina dalam bidang institusi pendidikan, persatuan dan politik di bandar Sarikei.

Kajian ini menumpukan perhatian kepada sejarah bandar Sarikei yang bermula pada abad ke-19 dengan tumpuan kepada aspek sejarah dalam sosial dan politik bandar Sarikei. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dan membincangkan usaha penghijrah dari negara China ke bandar Sarikei di mana peranan dan penglibatan kaum Cina di Sarikei. Kajian ini bertujuan untuk meninjau peranan dan penglibatan kaum Cina dalam bidang pendidikan. Kaum Cina melibatkan diri secara aktif dalam pendidikan dengan

menubuhkan sekolah aliran bahasa Cina, sekolah Mubaligh Kristian Methodist, sekolah menengah swasta dan tadika swasta Cina.

Tujuan seterusnya adalah untuk membincangkan pelbagai corak persatuan yang ditubuhkan atas tujuan membela kaum masing-masing seperti persatuan Cina berbentuk kebudayaan, persatuan Cina berbentuk kebajikan, persatuan Cina berbentuk keagamaan, persatuan Cina berbentuk kekeluargaan, persatuan Cina berbentuk pendidikan, persatuan Cina berbentuk hiburan, persatuan Cina berbentuk perniagaan dan persatuan Cina berbentuk khairat kematian dan pertanian. Ini dapat memupuk semangat perpaduan dan melahirkan perasaan cinta akan bandar Sarikei.

Kajian ini juga membincangkan penglibatan dan peranan kaum Cina di Sarikei dalam bidang politik serta faktor-faktor yang mendorong perkembangan politik dalam zaman penjajahan British, zaman Jepun dan selepas pembentukan Malaysia. Politik di bandar Sarikei aktif selepas kemerdekaan Malaysia dengan kemunculan cawangan parti politik seperti Parti Nasional Sarawak, Persatuan Cina Sarawak, Parti Tindakan Demokrasi dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak.

1.2 Kajian lepas

Terdapat beberapa buah buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris yang mengkaji tentang masyarakat di Sarawak, khususnya masyarakat Cina. Misalnya Tien Ju Kang melalui bukunya *The Chinese of Sarawak: A Study of*

Social Structure (1953)³⁶ telah menggunakan pendekatan sains sosial untuk mengkaji orang Cina di Sarawak dari tahun 1948 hingga 1949. Penyelidikan Tien merupakan titik permulaan bagi pemahaman terhadap peranan dalam bidang sosial dan politik masyarakat Cina di Sarawak.³⁷

Dari segi sejarah kedatangan dan penerokaan kaum Cina, Daniel Chew merupakan seorang penulis yang mengkaji secara mendalam dan sistematik mengenai perkara ini melalui bukunya yang berjudul *Chinese Pioneers on The Sarawak Frontier 1841-1941*.³⁸ Beliau mengkaji penerokaan kaum Cina secara meluas di Sarawak. Selain itu, beliau turut mengkaji hubungan peneroka Cina dengan masyarakat orang Asli dan peraturan Rajah Brooke. Daniel Chew juga mengkaji secara mendalam sejarah sosial dan ekonomi masyarakat Cina di Sarawak pada zaman penjajahan Rajah Brooke dan mendapati bahawa kaum Cina membuka penerokaan di bandar-bandar utama Sarawak. Ooi Keat Gin menulis, *Dunia Di seberang Sungai: Pendidikan Di Sarawak dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke Pentadbiran Pejabat Tanah*. Ooi Keat Gin mengkaji secara mendalam tentang pendidikan di Sarawak dan mendapati masyarakat kaum Melayu, kaum Cina dan mubaligh Kristian berperanan penting terhadap kemajuan pendidikan di Sarawak.³⁹

³⁶ Rujuk Tien Ju-Kang, *The Chinese of Sarawak: A Study of Social Structure*, London: London School of Economics, 1953.

³⁷ Ibid.

³⁸ Rujuk Daniel Chiew, *Chinese Pioneers on The Sarawak Frontier 1841-1941*, Singapore: Oxford University Press, 1990.

³⁹ Rujuk Ooi Keat Gin, *Dunia di Seberang Sungai: Pendidikan di Sarawak dari Zaman Pemerintahan Booke Hingga ke Pentadbiran Pejabat Tanah*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2001.

Pengarang tempatan yang membincangkan sejarah Sarawak secara khusus ialah Lau Zhi Cheng menerusi buku *Wong Nai Siong and New Foochow*,⁴⁰ *Kisah-kisah Sejarah Sarawak(1)*,⁴¹ *Kisah-kisah Sejarah Sarawak(2)*,⁴² *Kisah-kisah Sejarah Sarawak(3)*,⁴³ *Kisah-kisah Sejarah Sarawak(4)*,⁴⁴ *Kisah-kisah Sejarah Sarawak(5)*,⁴⁵ *Sarawak di Bawah Pemerintahan Penjajah British*.⁴⁶ Kelima-lima buah buku yang ditulis oleh beliau adalah berkaitan dengan kedatangan orang Cina ke kawasan Sarikei pada abad ke-19 dan juga mengatakan pemerintahan rejim Brooke di kawasan bandar Sarikei pada abad ke-19. Ini menunjukkan bahawa penulis tempatan juga mencatatkan peristiwa yang berlaku semasa pemerintahan rejim Brooke. Kehidupan kaum Cina di bandar Sarikei pada masa itu agak susah dengan kekejaman yang dilakukan oleh penduduk tempatan iaitu kaum Iban.

Selain pengarang Cina terdapat pengarang barat yang membincangkan sejarah masyarakat Cina di Sarawak, misalnya Michael B. Leigh dalam tesisnya '*Chinese Immigration and Society in Sarawak, 1868– 1917*' (1967).⁴⁷ Michael B. Leigh dalam bukunya membincangkan tentang kedudukan masyarakat Cina dari segi ekonomi dan politik serta interaksi kaum Cina dengan kaum lain dan

⁴⁰ Rujuk Lau Zhi Cheng, *Wong Nai Siong and New Foochow*, Singapore: South Seas Society Press, 1979.

⁴¹ Rujuk Lau Zhi Cheng, *Kisah-kisah Sejarah Sarawak (1)*, Sibul: Sarawak Chinese Cultural Association, 1999.

⁴² Rujuk Lau Zhi Cheng, *Kisah-kisah Sejarah Sarawak (2)*, Sibul: Sarawak Chinese Cultural Association, 1999.

⁴³ Rujuk Lau Zhi Cheng, *Kisah-kisah Sejarah Sarawak (3)*, Sibul: Sarawak Chinese Cultural Association, 1999.

⁴⁴ Rujuk Lau Zhi Cheng, *Kisah-kisah Sejarah Sarawak (4)*, Sibul: Sarawak Chinese Cultural Association, 1999.

⁴⁵ Rujuk Lau Zhi Cheng, *Kisah-kisah Sejarah Sarawak (5)*, Sibul: Sarawak Chinese Cultural Association, 1999.

⁴⁶ Rujuk Lau Zhi Cheng, *Sarawak di Bawah Pemerintahan Penjajah British (1946-1963)*, Sibul: Sarawak Chinese Cultural Association, 2000.

⁴⁷ Rujuk Michael B. Leigh, *Chinese Immigration and Society in Sarawak, 1868–1917*, unpublished M.A. Thesis, University of Hawaii, 1967.

didapati bahawa kaum Cina maju dalam bidang sosial dan ekonomi.⁴⁸ John M. Chun melalui bukunya '*The Sarawak Chinese*' (1981) juga membincangkan mengenai sejarah awal orang Cina di Sarawak dan persatuan-persatuan sosial dan politik yang ditubuhkan di negeri Sarawak sejak kemasukan mereka ke Sarawak.⁴⁹

1.3 Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan sememangnya amat diperlukan bagi menjayakan sesuatu kajian. Beberapa methodologi penyelidikan telah digunakan oleh penulis bagi menghuraikan tentang penglibatan dan peranan kaum Cina dari segi sosial dan politik di bandar Sarikei. Kaedah-kaedah yang digunakan adalah kajian sumber sekunder dan kajian sumber prima. Penulis menghadapi masalah dalam proses mendapatkan bahan rujukan sekunder memandangkan penulisan mengenai sejarah sosial dan politik di bandar Sarikei adalah terbatas. Namun penulis dapat mengatasinya dengan menggunakan kaedah-kaedah yang berkesan. Setiap kajian ilmiah yang dijalankan memerlukan metodologi tertentu untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting dan mencari jawapan kepada masalah atau persoalan kajian yang ditimbulkan. Sesuatu penyelidikan itu dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan mencari jawapan kepada permasalahan yang ditimbulkan dengan menggunakan tatacara yang bersifat saintifik.

⁴⁸ Rujuk Michael B. Leigh, *The Chinese Community of Sarawak: A Study of Communal Relation*, Singapore, n.n., 1964.

⁴⁹ Rujuk John. M.Chin, *The Sarawak Chinese*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981.

Di dalam penyelidikan ini, kaedah penganalisan deskriptif digunakan. Sumber sejarah seperti bahan prima yang digunakan, diperoleh dari pejabat-pejabat persatuan, perpustakaan kecil gereja-gereja Methodist, perpustakaan kecil Persatuan Buddha Sarikei, pejabat-pejabat kuil, perpustakaan kecil Persatuan Foochow Sibul, pusat sumber sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah di bandar Sarikei, perpustakaan mini Persatuan Kwang Wai Siew Sarikei, Muzium Mini Persatuan Foochow Sibul, Sarawak. Bahan-bahan sekunder didapati dari surat khabar, majalah-majalah rasmi persatuan dan bahan-bahan serta maklumat-maklumat yang berkaitan dengan penglibatan dan peranan kaum Cina dari perpustakaan awam di bandar Sarikei, Sibul, dan Kuching dan juga Arkib Negeri Sarawak, Perpustakaan Dewan Bandaraya Kuching Utara, (DBKU) Kuching. Ini bermaksud bahawa kaedah utama yang digunakan untuk menjayakan kajian ini adalah kaedah kepustakaan (*library research*). Kaedah ini membolehkan data-data dan maklumat penting dikumpulkan daripada dokumen-dokumen asal, jurnal-jurnal, akhbar-akhbar lama, buku-buku dan penerbitan rasmi yang ada kaitan dengan tajuk kajian.

Selain penyelidikan di perpustakaan, penulis juga turut mendapatkan maklumat dari Persatuan Perniagaan Orang-orang Cina di Sibul dan Sarikei iaitu maklumat tentang bilangan penduduk yang tinggal di dua bandar ini. Untuk mendapatkan semua maklumat yang berkaitan, pengkaji menjadikan fail-fail, buku perangkaan tahunan, rencana-rencana dan gambar-gambar sebagai asas untuk menjayakan kajian ini. Kesemua data dan maklumat amat penting dalam usaha pengkaji untuk mengetengahkan penglibatan dan peranan kaum Cina dalam bidang sosial dan politik di bandar Sarikei. Langkah-langkah yang

diambil adalah mengkaji rekod-rekod, dokumen-dokumen dan penulisan-penulisan yang berkaitan dengan sejarah penjajahan Sarawak, peranan dan penglibatan orang Cina dalam bidang sosial dan politik di bandar Sarikei pada abad ke-19.

Selain itu, maklumat berkaitan dengan tajuk kajian didapati dari catatan-catatan yang ditulis dalam majalah persatuan atau majalah ulang tahun persatuan dan data-data dan bukti-bukti tentang sejarah Bandar Sarikei. Saya juga memperoleh maklumat tentang tajuk tersebut dalam bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Iban dan bahasa Melayu daripada penduduk tempatan Sarikei. Melalui cara ini, pengkaji dapat mengumpul banyak maklumat berkaitan dengan sejarah sosial dan politik di bandar Sarikei. Maklumat-maklumat ini ditapis dan dianalisis terlebih dahulu sebelum penulisan mengenai tajuk kajian dijalankan.

Kaedah lain yang turut digunakan ialah kaedah temu bual untuk mendapatkan sumber lisan. Sesi temu bual dijalankan secara bebas dengan generasi tua yang masih hidup untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting yang diceritakan secara lisan dari turun temurun berkaitan dengan sejarah pendidikan dan persatuan Cina dan politik di bandar Sarikei. Begitu juga maklumat yang berkaitan dengan politik semasa pendudukan Jepun dan ancaman komunis.

1.4 Organisasi Kajian

Penyelidikan ini dibahagikan kepada 5 bab. Dalam bab pengenalan dijelaskan tentang masalah yang diselidik, tujuan, dan prosedur keseluruhan kajian ini. Bab ini merupakan sejarah latar belakang bandar Sarikei dari segi kependudukan, petempatan kaum Cina dan imigran Cina yang datang ke bandar Sarikei.

Dalam bab kedua, tumpuan diberikan kepada bidang pendidikan khususnya sekolah aliran bahasa Cina dan sekolah menengah swasta serta sumbangan pendidik Cina kepada masyarakat setempat. Kebanyakan sekolah Cina didirikan dengan usaha masyarakat setempat dan juga usaha mubaligh Kristian. Terdapat dua buah sekolah aliran Inggeris iaitu SMK St. Anthony Sarikei dan SK St. Anne Sarikei. Di samping itu juga terdapat sebuah sekolah menengah swasta iaitu SMK Ming Lik Sarikei di mana semua pengurusan pentadbiran sekolah diuruskan oleh masyarakat setempat dan pendidik Cina. Beberapa pewakaf kaum Cina telah mewakafkan tanah untuk membina sekolah demi masa depan anak-anak peneroka. Sekolah yang dibina semasa pemerintahan rejim Brooke, selepas Perang Dunia Kedua dan juga selepas pembentukan Malaysia. Kebanyakan sekolah terpaksa ditutup semasa pendudukan Jepun kerana kekejaman yang dilakukan oleh askar dan tentera Jepun terhadap kaum Cina dan juga penduduk tempatan pribumi. Dalam bab ini juga menyatakan sumbangan pendidikan Cina terhadap masyarakat setempat di bandar Sarikei.

Dalam bab ketiga, kajian ditumpukan kepada bentuk persatuan kaum Cina yang menonjol di bandar Sarikei sebelum dan selepas pembentukan Malaysia yang berbentuk kekeluargaan, keagamaan, kebudayaan, perniagaan, hiburan, pendidikan dan juga pertanian dan kematian. Namun, persatuan *The Boys' Brigade and The Girls' Brigade* ditubuhkan oleh penjajah Inggeris, tetapi segala pengurusan dalam pentadbiran diuruskan oleh mubaligh Kristian *Methodist* dan majoriti keahliannya adalah kaum Cina. Setiap bentuk persatuan memainkan peranan yang berbeza antara satu sama lain. Persatuan Cina yang bercorak keagamaan juga diwujudkan demi membela nasib kaum Cina yang hidup tidak aman dan keharmonian serta kesejahteraan dalam kehidupan. Persatuan yang pelbagai corak ditubuhkan, masing-masing memainkan peranan yang berbeza.

Dalam bab keempat memfokuskan kepada politik zaman rejim Brooke, zaman pendudukan Jepun, zaman ancaman Komunis, sebelum dan selepas kemerdekaan Malaysia. Di samping itu, dalam bab ini juga menjelaskan perkembangan parti politik yang ada di Sarawak dan juga parti yang terkuat di bandar Sarikei. Beberapa pilihan raya yang diadakan telah dinyatakan dengan jelas dengan maklumat yang diperolehi dari Pejabat SUPP Sarikei dan Pejabat DAP Sarikei. Keadaan penghidupan kaum Cina di bandar Sarikei yang begitu diseksa semasa pendudukan Jepun dan juga semasa ancaman Komunis.

Sebagai kesimpulan, apa yang dinyatakan di atas menyebabkan peneroka kaum Cina Sarikei berjaya dalam bidang yang diceburi iaitu sosial-

ekonomi di Bandar Sarikei dan juga menonjolkan keistimewaan mereka menjamin kejayaan mereka dalam kehidupan.

1.5 Kesimpulan

Dalam kajian ini, didapati peneroka kaum Cina mempunyai semangat memajukan diri dan berani merempuh rintangan. Walaupun peneroka kaum Cina menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan dan keselamatan, mereka tetap mempunyai semangat yang kental dan berani menempuh cabaran dalam penerokaan pertanian sehingga menjadi sebuah bandar atau pekan yang serba moden sekarang. Peneroka kaum Cina telah mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat setempat dan juga kerajaan untuk mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni. Peneroka kaum Cina beramah mesra, mematuhi undang-undang dan menghormati adat resam penduduk tempatan iaitu pribumi masyarakat Bandar Sarikei. Keadaan sedemikian memudahkan peneroka kaum Cina hidup aman damai hingga sekarang.

Dalam bahagian Sarikei terdapat empat daerah kecil. Setiap daerah mempunyai keunikan dan keistimewaan sendiri. Melalui bab pengenalan dapat saya simpulkan bahawa bandar Sarikei memang mempunyai keistimewaannya. Ini disebabkan masyarakat di bandar Sarikei merupakan sebuah masyarakat majmuk. Apabila imigran bangsa Cina datang ke suatu tempat, kaum Cina akan mendapat kebenaran terus daripada orang tempatan pada masa itu. Selepas mendapat kebenaran, kaum Cina terus meneroka tempat untuk penanaman seperti lada dan pokok getah. Pada mulanya, orang Cina etnik Kantonis yang